

Rancangan Pengurusan Hutan Paya Gambut Negeri Johor 2023-2032

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rancangan Pengurusan Hutan Paya Gambut Negeri Johor 2023-2032 (dalam singkatan sebagai RPHPGNJ) dihasilkan berdasarkan kepada piawaian yang digariskan di dalam dokumen 'Panduan Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Gambut Bagi Negeri-Negeri Di Semenanjung Malaysia' oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS). RPHPGNJ ini akan digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) sebagai rujukan asas dalam merancang, mentadbir serta mengurus hutan simpanan kekal khususnya hutan paya gambut secara teratur dan sistematik demi mencapai Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Tempoh pelaksanaan RPHPGNJ ini adalah selama sepuluh tahun bermula 2023 sehingga 2032 dan melibatkan jangka masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13.

Secara lazimnya, RPHPGNJ ini disediakan bagi memastikan pengurusan kelestarian HPG yang terdapat di negeri Johor terpelihara dan diurus dengan amalan tadbir urus terbaik yang holistik bagi menyokong pemeliharaan sumber hutan serta aspirasi negara neutral karbon. Ia adalah selaras dengan keperluan untuk memelihara, memulihara dan mengurus sumber HPG secara berkekalan seperti dinyatakan di dalam Akta 313 Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan) 1993. RPHPGNJ ini telah menggariskan strategi pemeliharaan dan pengurusan HPG jangka pendek dan panjang di negeri Johor, selari dengan objektif Dasar Perhutanan Malaysia 2021 dan Rancangan Pengurusan Hutan 2016-2025 serta memastikan kepentingan HPG dari segi sosioekonomi, kepelbagaian biologi dan pemuliharaan serta kestabilan alam sekitar. Oleh yang demikian, RPHPGNJ ini diharap membantu JPNJ untuk memahami, merancang dan melaksanakan aktiviti pengurusan HPG jangka pendek dan panjang dengan lebih efektif dan membantu dalam mengatasi kekangan yang dihadapi oleh JPNJ dalam pengurusan HPG di negeri Johor.

Secara ringkasnya RPHPGNJ ini mengandungi sepuluh (10) bab seperti berikut:

Bab 1: Pendahuluan. Bab ini memerihalkan matlamat dan objektif RPHPGNJ 2023-2032 yang ingin dicapai dalam tempoh pelaksanaan sepuluh tahun (2023-2032) yang ditetapkan oleh negeri Johor. Bab ini juga menyatakan skop, kaedah, struktur, pendekatan dan strategi pelaksanaan RPHPGNJ 2023-2032 yang akan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Ia memberi keterangan mengenai aspek pengurusan dan keperluan pentadbiran dan mekanisme pelaksanaan sesuai yang menjadi petunjuk dan arah tuju bagi setiap skop pengurusan.

Bab 2: Pendekatan Pengurusan Hutan Paya Gambut di Malaysia. Bab ini menjelaskan pengurusan dan urus tadbir HPG, menyenaraikan sistem perundangan serta amalan

Rancangan Pengurusan Hutan Paya Gambut Negeri Johor 2023-2032

pencegahan kebakaran HPG untuk diterapkan dalam pengurusan HPG di negeri Johor. Dasar dan strategi asas di peringkat negeri, kebangsaan dan global serta kerjasama serantau.

Bab 3: Persekitaran Biofizikal Hutan Paya Gambut. Bab 3 memberikan penerangan ringkas mengenai ciri-ciri biofizikal HPG, pembentukan dan struktur HPG serta kedudukan dan taburan HPG di negeri Johor. Selain ini, bab ini juga membincangkan sistem hidrologi HPG dari segi nilai kuantiti dan kualiti, komposisi dan adaptasi spesies flora dan fauna serta fungsi HPG di negeri Johor.

Bab 4: Persekitaran Sosioekonomi Hutan Paya Gambut. Bab ini membincangkan aspek sosioekonomi, ekopelancongan, perkhidmatan ekosistem dan penilaian stok karbon yang berkait dengan HPG di negeri Johor. Aspek sosioekonomi dan kegiatan ekonomi komuniti tempatan berasaskan sumber HPG dikaji melalui Penilaian Impak Sosial (PIS) berdasarkan maklum balas soal selidik daripada komuniti tempatan di sekitar kawasan HPG. Selain itu dalam seksyen ini juga menjelaskan pembangunan produk ekopelancongan dan strategi pelaksanaannya berdasarkan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar, Johor 2020-2029. Bab ini juga memberi keterangan mengenai empat kategori perkhidmatan ekosistem iaitu perkhidmatan pembekalan (*provisioning service*), perkhidmatan kawalan (*regulating service*), perkhidmatan sokongan (*supporting service*) dan perkhidmatan budaya (*cultural service*).

Bab 5: Penilaian Pelaksanaan Rancangan Pengurusan Yang Lepas. Bab ini sepatutnya menilai pelaksanaan RPHPG yang lepas, namun kerana RPHPG yang ini merupakan yang pertama, bab ini hanya memberikan satu kompilasi rumusan mengenai kajian-kajian yang dijalankan di HPG yang terdapat di negeri Johor 2009 - 2017 . Hasil-hasil kajian ini diguna pakai dalam penyediaan RPHPGNJ ini sebagai rujukan untuk menyusun semula strategi bagi meningkatkan prestasi pengurusan HPG yang lebih pragmatik sepanjang tempoh pelaksanaan.

Bab 6: Preskripsi Pengurusan Hutan. Dalam bab ini aspek berkaitan dengan konsep dan sistem pengurusan hutan, pengkelasan kawasan hutan, penetapan objektif pengurusan hutan, pengkelasan zon hutan berdasarkan sumber sedia ada, penyediaan pelan tindakan strategi zon pengurusan HPG, dan aktiviti pengurusan bersepadu telah dihuraikan. Tambahan, kepentingan Enakmen Perhutanan Negara (pemakaian)1985 (Enakmen No.12 Tahun 1985), Negeri Johor, Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi aktiviti perhutanan mematuhi Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 217), pembangunan kapasiti dan modal

Rancangan Pengurusan Hutan Paya Gambut Negeri Johor 2023-2032

insan dalam pengurusan HPG juga diperjelaskan, pelan pengurusan rehabilitasi HPG dan keperluan penyelidikan dan pembangunan.

Bab 7: Pengusahasilan Hutan. Bab ini memberikan penerangan mengenai aspek penetapan objektif pengusahasilan hutan yang sesuai untuk diamalkan di kawasan HPG. Bab ini turut memerihalkan kitaran dirian HPG daripada aspek fizikal, teknikal dan isi padu. Dalam bab ini juga pemberi penekanan bahawa HPG ini dicadangkan untuk dilindungi dan dipelihara mengikut pengurusan zon yang telah dikenal pasti dan cadangan untuk menjaga keunikan dan menggalakkan pertumbuhan secara semula jadi dan jenis spesies pokok hutan yang bernilai tinggi.

Bab 8: Pemantauan, Pengawalan dan Penilaian. Bab ini menerangkan objektif, prosedur dan skop berhubung aspek pemantauan dan pelaporan, penguatkuasaan dan pengawalan dan penilaian ke atas kawasan HPG di negeri Johor. Semakan Separuh Penggal yang merupakan semakan pencapaian RPHPGNJ untuk menilai semula serta mengatur semula strategi pengurusan HPG bagi negeri Johor turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab 9: Bajet. Bab ini mengandungi maklumat sumber kewangan yang boleh diperolehi daripada lima (5) sumber utama untuk melaksanakan RPHPGNJ oleh JP NJ. Tempoh pelaksanaan RPHPGNJ bagi tempoh pelaksanaan sepuluh tahun diperincikan dengan *rolling plan* dalam dua penggal selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (2026-2030). Selain daripada itu, peruntukan dan perbelanjaan bagi operasi atau aktiviti yang dijalankan dalam RPHPGNJ juga dirancang dan diperincikan secara umum.

Rumusan. Kesimpulannya, RPHPGNJ ini dapat diguna pakai dengan sebaiknya oleh JP NJ bagi merancang, mentadbir serta mengurus hutan simpanan kekal khususnya hutan paya gambut secara teratur dan sistematik demi mencapai Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan dilaksanakan dengan jayanya